

Tindakan JAS lemah

sh
30/5

MENTERI Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, mengakui wujudnya kelemahan dalam tindakan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam membanteras kegiatan pembuangan bahan bertoksid.

Sehubungan itu, Azmi berkata, pihaknya mengadakan perbincangan khas pagi semalam untuk mempertingkatkan aspek penguatkuasaan bagi menangani masalah berkenaan.

Katanya, kes pelupusan bahan bertoksid berjaya dikesan hasil kerjasama anggota penguat kuasa dan intipan yang dijalankan oleh JAS, selain maklumat orang ramai dan media.

"Saya akui kelemahan ada, kita bincang pagi tadi (semalam) bagaimana untuk kenal pasti dan tingkatkan penguatkuasaan supaya ia lebih efektif. Masalahnya ialah kekurangan tenaga kerja untuk memantau punca (pencemaran) yang banyak dan kawasan yang luas," katanya ketika menggulung perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi kementeriannya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata, kerja pemantauan menjadi lebih sukar apabila pelupusan sisa dilakukan pada waktu yang tidak menentu dan lewat malam.